

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan inisiatif yang diambil bagi menggalakkan lebih ramai anak-anak muda mengusahakan pertanian moden dan agroteknologi. Perincian perangkaan penglibatan golongan berkaitan di setiap negeri, jenis sektor yang diusahakan, keluasan tapak dan bantuan yang diterima daripada pihak Kerajaan Pusat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Agropreneur Muda adalah antara inisiatif yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk menggalakkan lebih ramai anak-anak muda menceburi sektor agromakanan termasuklah mengusahakan pertanian moden dan agroteknologi. Antara inisiatif terkini Kementerian adalah seperti berikut:

- 1) Perluasan skop Program Agropreneur Muda berkaitan pertanian moden dan agroteknologi yang meliputi sistem fertigasi, tanaman hidroponik, akuaponik dan penggunaan *Internet of Things* (IoT). Pada tahun 2016 hingga 15 November 2020, seramai 1,022 orang belia telah mendapat kelulusan Geran Agropreneur Muda bagi menjalankan projek-projek pertanian moden berjumlah RM18.7 juta. Kementerian telah meluluskan perluasan skop tersebut mulai Jun 2020.

Bagi pencapaian keseluruhan dari tahun 2016 sehingga 15 November 2020, seramai 6,646 orang peserta agropreneur muda